Lakukan ujian urin berkala di sekolah, bendung gejala vape

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi - Oktober 2, 2024 @ 4:16pm
bhnews@bh.com.my



Foto hiasan - FAIL NSTP

KUALA LUMPUR: Pihak sekolah dengan kerjasama Kementerian Kesihatan (KKM) perlu melaksanakan ujian urin secara berkala untuk membendung gejala pengambilan vape dan e-rokok dalam kalangan pelajar.

Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Guru-guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (KONGRES), Mohd Azizee Hasan, berkata sekolah sebagai zon larangan merokok perlu terus dikuat kuasa dengan peraturan lebih ketat.

"Pemeriksaan kerap dan pemantauan berterusan dilakukan dari pihak sekolah ke atas murid.

"Guru dan murid diberi pengetahuan terkait Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (**Akta 852**) yang mula dikuat kuasa minggu ini serta kesannya kepada ketagihan rokok elektronik.

"Sekolah juga perlu bekerjasama dengan KKM dan komuniti dalam memberi kesedaran bahaya rokok elektronik," katanya ketika dihubungi BH, hari ini.

Beliau mengulas penguatkuasaan Akta 852 khususnya ke arah membendung ketagihan dalam kalangan pelajar.

Beliau berkata, penerapan penghayatan keagamaan bagi pelajar dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan pejabat mufti membabitkan fatwa pengharaman arak boleh dihebahkan setiap masa.

"Kerjasama sekolah dengan majlis belia dan NGO (badan bukan kerajaan) belia juga penting untuk menyemai kesedaran bahaya merokok dan mengamalkan cara hidup sihat," katanya.

Pakar kesihatan awam, Dr Afiq Rahim, berkata terlalu banyak peralatan vape direka untuk menarik perhatian pasaran khususnya dalam kalangan remaja bawah umur.

Justeru, beliau menyarankan ibu bapa memantau penggunaan alat tulis digunakan anak mereka.

"Periksa beg anak masing-masing. Teliti pen marker, botol air, gam dan lain-lain peralatan alat tulis," katanya.

Realitinya, katanya, kos dibayar kerajaan untuk merawat pesakit kesan daripada ketagihan vape, adalah lebih mahal berbanding cukai dikutip kerajaan.

"Semoga akta baharu yang dikuatkuasakan kerajaan untuk mengekang produk rokok termasuk vape dapat mengawal kebobrokan ini," katanya.

Akta 852 dikuatkuaskan **mulai semalam**, dilaksana secara berhemah dan munasabah, bermula dengan penguatkuasaan pendidikan bagi tempoh enam hingga 12 bulan dari tarikh kuat kuasa, meliputi aspek seperti pendaftaran produk merokok.

Selain itu, kawalan jualan termasuk pameran di kaunter jualan yang akan dikuatkuasakan 1 April 2025 serta pembungkusan dan pelabelan pula pada 1 Oktober 2025.

Sementara itu, Ketua Flagship Kampus dan Komuniti Sejahtera Bebas Rokok Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Mohamad Haniki Nik Mohamed, kesal dengan sikap industri mengeluarkan produk vape menyerupai alat tulis.

"Sampai macam ini sekali jual vape untuk pelajar sekolah (untuk tujuan) kaburi mata guru," katanya dalam perkongsian di Facebook sambil berkongsi gambar vape berbentuk pen.